

PENYEBARAN GELUNCURAN DAN PENYISIPAN HENTIAN GLOTIS DALAM BAHASA MELAYU: SATU ANALISIS AUTOSEGMENTAL

Tajul Aripin Kassin

Abstrak

Dalam bahasa Melayu, penyebaran geluncuran berlaku dalam kata dasar, sempadan imbuhan (sempadan awalan dan sempadan akhiran) sekiranya vokal pertama dalam urutan vokal terdiri daripada vokal [+tinggi]. Contoh dalam perkataan /buah/ [buwah], /diam/ [diyam], /buru + an/ [buruwan] dan /tari + an/ [tariyan]. Manakala, proses penyisipan hentian glotis yang berlaku secara default tidak berlaku dalam kata dasar, sebaliknya proses ini hanya berlaku dalam sempadan imbuhan dan kata morfologi (sempadan awalan, sempadan akhiran, kata ganda, kata majmuk dan sintaksis). Contoh dalam perkataan /guna + an/ [gunaʔan], /mula + i/ [mulaʔi], /di + ambil/ [diʔambel], /anai-anai/ [anaiʔanai] dan /sətia + usaha/ [sətiyaʔusaha]. Oleh sebab proses penyisipan hentian glotis dalam BM tidak berlaku dalam kata dasar tetapi hanya berlaku dalam sempadan imbuhan dan kata morfologi, proses ini dikenal sebagai proses pasca leksikal.

Abstract

In Malay, a spreading of glide occurs in root and affix boundaries (prefix boundary and suffix boundary) when a first vowel of vowel sequences is a high vowel such as in the words /buah/ [buwah], /diam/ [diyam], /buru + an/ [buruwan] and /tari + an/ [tariyan]. However, a default process of glottal stop insertion does not occur in roots but it occurs in affix boundaries and morphological word boundaries (reduplicated words, compound and syntactic phrases) such as in the words /guna + an/ [gunaʔan], /mula + i/ [mulaʔi], /di + ambil/ [diʔambel], /anai-anai/ [anaiʔanai] and /sətia + usaha/ [sətiyaʔusaha]. On account of glottal stop does not occur in roots but only occurs in morphological word, therefore it is so-called a post lexical process.

PENDAHULUAN

Dalam artikel ini, istilah bahasa Melayu (BM) merujuk kepada bahasa Melayu dialek Johor Riau yang diangkat martabatnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Artikel ini akan membincangkan proses penyebaran geluncuran dan penyisipan hentian glotis yang berlaku dalam leksikal dan kata morfologi BM. Proses-proses fonologi ini berlaku dalam urutan vokal kerana vokal kedua daripada urutan vokal tersebut memerlukan konsonan sebagai onsets. Oleh itu, konsonan geluncuran atau hentian glotis akan mengisi kekosongan onsets tersebut berdasarkan peraturan dan proses fonologi yang ditetapkan dalam BM. Dalam menangani penyebaran geluncuran dan proses penyisipan hentian glotis ini, teori autosegmental akan digunakan. Di samping itu, analisis juga akan menggunakan representasi suku kata Levin (1984) dalam menangani proses-proses fonologi yang berlaku dalam urutan vokal BM.

KERANGKA TEORI AUTOSEGMENTAL

Teori autosegmental diperkenalkan untuk menangani aspek-aspek yang berhubung kait dengan proses-proses fonologi. Asas teori ini mengandaikan bahawa representasi fonologi itu mempunyai dua atau lebih tingkat (tiers). Antara tingkat tersebut ialah tingkat gatra-KV oleh Clements dan Keyser (1983) atau tingkat gatra-X oleh Levin (1984) dan tingkat melodi (fonemik). Setiap tingkat mengandungi satu untaian segmen yang dihubungkan oleh garis penghubung di antara satu sama lain. Garis penghubung ini haruslah mematuhi Syarat Purna Bentuk atau *Well-formedness Condition* (WFC) yang mensyaratkan setiap garisan penghubung itu tidak boleh bersilang. Sekiranya garis penghubung itu bersilang, bentuk analisis tersebut dianggap tidak gramatis.

Dalam artikel ini, pendekatan autosegmental digunakan khusus untuk menangani fenomena penyebaran geluncuran daripada vokal [+ tinggi] kepada tingkat gatra x kosong dan penyisipan hentian glotis yang berlaku dalam urutan vokal BM. Artikel ini juga akan mengenal pasti lingkungan dan kekangan yang menentukan kedua-dua proses ini saling berkompromi antara satu sama lain untuk mengisi onsets kosong (gatra x kosong) antara dua urutan vokal.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian yang lepas, Farid (1980) dan Teoh (1994) mengandaikan bahawa penyisipan hentian glotis dalam BM berlaku dalam kata dasar dan sempadan morfologi apabila vokal pertama dalam urutan vokal terdiri dari-

pada vokal [- tinggi]. Contoh dalam perkataan-perkataan yang berikut:

1. Penyisipan hentian glotis

a. /taat/	[ta.ʔat]
b. /saat/	[sa.ʔat]
c. /guna + an/	[gu.na.ʔan]
d. /mula + i/	[mu.la.ʔi]
e. /di + ambil/	[di.ʔam.bel]
f. /juru + ukur/	[ju.ru.ʔu.ko]

Persoalannya, adakah benar konsonan yang disisipkan di antara dua urutan vokal itu terdiri daripada konsonan hentian glotis atau mungkin konsonan lain? Ini jelas kerana konsonan hentian glotis yang disisipkan dalam kata /taat/ [ta.ʔat] dan /saat/ [sa.ʔat] tidak sama cara penghasilan bunyi, dan bunyi yang dihasilkan dengan konsonan hentian glotis yang disisipkan dalam kata /mula + i/ [mu.la.ʔi] dan /di + ambil/ [di.ʔam.bel]. Selain itu, pemerhatian juga mendapati vokal yang hadir selepas hentian glotis dalam kata /taat/ [ta.ʔat] dan /saat/ [sa.ʔat] telah dinasalkan, iaitu sebagai [taʔāt] dan [saʔāt]. Manakala dalam kata /mula + i/ [mu.la.ʔi] dan /di + ambil/ [di.ʔam.bel] vokal yang hadir selepas hentian glotis tidak dinasalkan. Ini jelas kerana semasa menghasilkan bunyi hentian glotis bagi perkataan [ta.ʔat] dan [sa.ʔat], rongga oral ditutup dan udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Manakala semasa menghasilkan bunyi hentian glotis bagi perkataan [mu.la.ʔi] dan [di.ʔam.bel], rongga hidung ditutup rapat dan menyebabkan udara dari paru-paru keluar sepenuhnya melalui rongga oral. Dalam BM, nasalisasi vokal hanya boleh berlaku sekiranya vokal tersebut mendahului konsonan nasal /m, n, ŋ, ɲ/ yakni vokal menjadi nasal kerana mendapat fitur nasal daripada konsonan nasal yang hadir di sebelah kirinya melalui proses nasalisasi vokal secara progresif (Tajul Aripin, 2000 dan 2002). Jika ini benar, bermakna konsonan hentian glotis yang dikatakan hadir dalam perkataan [taʔat] dan [saʔat] adalah salah. Jika salah, konsonan apakah yang disisipkan di antara dua urutan vokal /aa/ tersebut? Jika konsonan tersebut bukan konsonan hentian glotis, bermakna proses penyisipan hentian glotis merupakan proses fonologi yang dihalang dalam leksikal BM. Jika benar penyisipan hentian glotis ini dihalang berlaku dalam leksikal BM bermakna proses penyisipan hentian glotis ini hanya dapat dilihat dalam kata morfologi.¹

¹ Kata morfologi BM merujuk kepada kata ganda, kata majmuk dan sintaksis.

KATA FONOLOGI BAHASA MELAYU

Menurut Tajul Aripin (2000), kata fonologi BM ialah kata dasar (+ sufiks). Ini bermakna sebarang proses fonologi yang berlaku dalam kata dasar dan kata dasar + sufiks dikenal sebagai kata fonologi. Berdasarkan definisi kata fonologi di atas, proses-proses fonologi BM seperti pembentukan geluncuran dan geminasi berlaku dalam lingkungan kata fonologi. Dengan kata lain, proses-proses fonologi ini dihalang pada sempadan kata fonologi, iaitu prefiks + kata dasar dan kata morfologi, iaitu kata ganda, kata majmuk dan sintaksis. Manakala, proses-proses fonologi yang lain seperti penyisipan hentian glotis, asimilasi nasal-obstruen, nasalisasi vokal, pengguguran /r/, penengahan vokal, perendahan vokal dan pengglotisan berlaku di luar lingkungan kata fonologi (lihat Tajul Aripin, 2000).

URUTAN VOKAL

Urutan vokal ialah dua atau lebih vokal yang hadir berurutan sama ada di awal, di tengah atau di akhir kata. Kehadiran vokal berurutan dalam BM ini akan memperlihatkan kita dua bentuk penghasilan bunyi sama ada dibunyikan secara bisilabik (terpisah suku kata (V\$V))² atau secara tau-silabik (satu suku kata (VV)). Urutan vokal yang dibunyikan secara terpisah suku kata lazimnya boleh dilihat dalam dua bentuk, iaitu urutan vokal yang dihadiri oleh konsonan dan urutan vokal tanpa dihadiri sebarang konsonan. Kehadiran konsonan dalam urutan vokal adalah hasil daripada proses-proses fonologi sama ada melalui proses penyisipan konsonan atau proses penyebaran geluncuran oleh vokal [+tinggi]. Sebaliknya, urutan vokal yang tidak membenarkan sebarang konsonan hadir di antara urutan vokal dan membenarkan urutan vokal tersebut dibunyikan secara terpisah suku kata (*heterosyllabic*) dikenal sebagai hiatus. Manakala, urutan vokal yang dilambangkan sebagai satu fonem dan dibunyikan dalam satu suku kata, urutan tersebut dikenal sebagai diftong (VV). Berdasarkan penjelasan tersebut, struktur permukaan urutan vokal BM boleh terdiri daripada empat bentuk suku kata seperti yang berikut:

2. Bentuk-bentuk suku kata dalam urutan vokal BM
 - a. V\$KV

2 Tanda '\$' merujuk kepada sempadan suku kata. Namun begitu dalam artikel ini, tanda sempadan suku kata ini tidak akan digunakan sebaliknya tanda '.' digunakan untuk merujuk kepada sempadan suku kata dalam kata.

- b. V\$V
- c. VV
- d. V

Bentuk suku kata (2a) di atas adalah bentuk urutan vokal yang menerima proses penyisipan atau proses penyebaran geluncuran seperti dalam perkataan /guna + an/ [gu.na.ʔan] dan /buah/ [bu.wah]. Bentuk suku kata (2b) pula ialah bentuk urutan vokal yang tidak dihadiri oleh sebarang konsonan seperti dalam perkataan /main/ [ma.en] dan /kain/ [ka.en]. Keadaan dua urutan vokal yang terpisah suku kata ini dikenal sebagai hiatus. Bentuk suku kata (2c) ialah bentuk diftong seperti dalam perkataan-perkataan /amboi/ [am.boi], /kalau/ [ka.lau] dan /lambai/ [lam.bai]. Bentuk suku kata (2d) pula ialah bentuk urutan vokal yang mengalami proses pengguguran salah satu daripada vokal yang berurutan atau proses peleburan. Jika ini berlaku urutan vokal tersebut dikatakan mengalami proses pemonof-tongan yakni dua vokal menjadi satu vokal. Namun begitu, dalam artikel ini, hanya proses penyisipan hentian glotis dan penyebaran geluncuran yang akan dibincangkan.


VOKAL TINGGI DAN GELUNCURAN

Berdasarkan struktur suku kata yang diperlihatkan di atas, kehadiran urutan vokal dalam BM memperlihatkan beberapa proses fonologi, antaranya ialah proses pembentukan geluncuran dan proses penyisipan hentian glotis.

Menurut Hannahs (1995), beberapa bahasa mempunyai hubungan antara vokal tinggi dengan geluncuran, iaitu kedua-duanya mungkin tidak berkaitan antara satu sama lain. Sebagai contoh, apabila vokal tinggi /i/ dan geluncuran /y/ diandaikan sebagai fonem yang berasingan, struktur permukaan fonem tersebut ialah [i] dan [y]. Sebaliknya, kedua-dua fonem ini boleh terdiri daripada alofonik jika [y] adalah terbitan daripada vokal tinggi /i/. Dalam BM, geluncuran diandaikan hadir hasil daripada derivasi struktur dalaman vokal tinggi /i/ (Farid, 1980, Teoh, 1994 dan Tajul Aripin, 2000). Ini bermakna struktur dalaman geluncuran tidak wujud dalam BM. Oleh itu, kehadiran geluncuran BM sebenarnya berdasar kepada kedudukan vokal tinggi dalam struktur suku kata. Jika vokal tinggi itu berada pada posisi onsets, vokal tersebut dikenal sebagai geluncuran dan jika vokal tinggi tersebut berada pada posisi nukleus, vokal tersebut dikenal sebagai vokal [+tinggi] (Tajul Aripin, 2000). Berdasarkan kenyataan di atas,

definisi vokal [+tinggi] dapat dirumuskan seperti yang berikut:

3. Kedudukan vokal [+tinggi] pada posisi onset



Tajul Aripin (2000)

Rajah (3) di atas menjelaskan bahawa vokal [+tinggi] /i/ dan /u/ dikenal sebagai geluncuran [y] dan [w] kerana vokal-vokal tinggi tersebut berada pada posisi onset. Sebaliknya, vokal-vokal tinggi tersebut kekal sebagai vokal [+tinggi] sekiranya vokal-vokal tersebut berada pada posisi nukleus.

PENYEBARAN GELUNCURAN

Dalam BM, proses penyebaran geluncuran berlaku apabila vokal pertama dalam urutan vokal tersebut terdiri daripada vokal [+tinggi] (Teoh, 1994 dan Tajul Aripin, 2000). Proses penyebaran geluncuran ini boleh dilihat dalam kata dasar dan dalam sempadan akhiran (kata dasar + sufiks). Contoh penyebaran geluncuran dalam urutan vokal adalah seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

4. Penyisipan geluncuran /w/

- | | |
|----------------|-------------|
| a. /buah/ | [bu.wah] |
| b. /kuah/ | [ku.wah] |
| c. /kuat/ | [ku.wat] |
| d. /buaŋ/ | [bu.waŋ] |
| e. /suam/ | [su.wam] |
| f. /guru + an/ | [gu.ru.wan] |
| g. /catu + an/ | [ca.tu.wan] |
| h. /aku + i/ | [a.ku.wi] |

i. /kə + tahu + i/ [kə.ta.hu.wi]

5. Penyisipan geluncuran /y/

- a. /ia/ [i.yə]
- b. /diam/ [di.yam]
- c. /siat/ [si.yat]
- d. /liat/ [li.yat]
- e. /siaŋ/ [si.yaŋ]
- f. /siul/ [si.yol]
- g. /tari + an/ [ta.ri.yan]
- h. /titi + an/ [ti.ti.yan]
- i. /buni + an/ [bu.ni.yan]

Dalam analisis linear (pendekatan atur rumus), kehadiran geluncuran di antara dua urutan vokal dikatakan berlaku hasil daripada proses penyisipan. Farid (1980) merumuskan penyisipan geluncuran dalam BM seperti yang berikut:

6. Rumus Penyisipan Geluncuran³

$$\emptyset \rightarrow \left[\begin{array}{c} -\text{sil} \\ -\text{kons} \\ +\text{ting} \\ \alpha\text{ren} \\ \beta\text{bel} \end{array} \right] / \left[\begin{array}{c} \text{V} \\ +\text{ting} \\ \alpha\text{ren} \\ \beta\text{bel} \end{array} \right] \text{ ——— } \text{V}$$

Farid (1980)

Rumus (6) menjelaskan bahawa tempat kosong di antara urutan vokal akan disisipkan oleh geluncuran sekiranya vokal pertama terdiri daripada vokal [+ tinggi].


Sebaliknya, berdasarkan analisis teori autosegmental ini, kehadiran geluncuran di antara dua urutan vokal itu merupakan hasil daripada proses penyebaran fitur vokal [+ tinggi] yang menduduki posisi nukleus pada gatra x kosong yang menduduki posisi onset dalam struktur suku kata. Berdasarkan representasi Levin (1984), yang berikut dipersembahkan proses

3 Kependekan notasi rumus: \emptyset - kosong, V - vokal, sil - silabik, kons - konsonan, ting - tinggi, ren - rendah, bel - belakang.


penyebaran geluncuran [w] daripada vokal tinggi /u/ dalam perkataan / buah/ [bu.wah].

7. Penyebaran [w] dalam perkataan /buah/ [bu.wah]


a. Struktur dalaman



b. Penyebaran geluncuran daripada vokal tinggi /u/



c. Struktur permukaan



Representasi fonetik = [bu.wah]

Rajah 7 di atas menjelaskan bahawa vokal tinggi /u/ yang berada pada tingkat melodi, yakni pada posisi nukleus menyebarkan geluncuran kepada gatra x kosong (lihat Rajah 7b) dan menyebabkan gatra x kosong yang menduduki posisi onset dalam struktur suku kata turut mendapat vokal tinggi /u/. Berdasarkan definisi vokal [+ tinggi] oleh Tajul Aripin (2000), vokal [+ tinggi] /u/ yang berada pada posisi onset dalam Rajah (7c) dikenal sebagai geluncuran [w]. Oleh itu, output perkataan /buah/ ialah [bu.wah].

Namun begitu, dalam situasi tertentu seperti dalam sempadan awalan (prefiks + kata dasar), penyebaran geluncuran tidak berlaku walaupun vokal pertama terdiri daripada vokal [+ tinggi]. Ketidakhadiran geluncuran ini disebabkan oleh proses pembentukan geluncuran dalam BM hanya berlaku dalam kata fonologi sahaja (Tajul Aripin, 2000). Ketidakhadiran geluncuran pada sempadan awalan ini membolehkan ruang kosong (gatra x kosong) tersebut diisi oleh hentian glotis melalui proses penyisipan hentian glotis secara default. Contoh penyisipan hentian glotis dalam sempadan awalan adalah seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

8. Penyisipan hentian glotis dalam sempadan awalan

- | | |
|-------------------|------------------|
| a. /di + ambil/ | [di.ʔam.bel] |
| b. /di + ubah/ | [di.ʔu.bah] |
| c. /juru + acara/ | [ju.ru.ʔa.ca.rə] |
| b. /juru + azan/ | [ju.ru.ʔa.zan]. |

Dengan merujuk kepada definisi vokal [+ tinggi] yang menduduki posisi onset sebagai geluncuran, bermakna fonem geluncuran [w] dan [y] bukanlah fonem BM (tidak hadir pada struktur dalaman). Dalam erti kata lain, kehadiran geluncuran dalam BM hanyalah pada struktur permukaan sahaja, yakni setelah melalui proses penyebaran geluncuran daripada vokal tinggi /u/ dan /i/. Contoh vokal tinggi yang menduduki posisi onset (struktur dalaman) dikenal sebagai geluncuran pada struktur permukaan adalah seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:


9. Vokal tinggi pada posisi onset

- a. /uaŋ/ [waŋ]
- b. /ualau/ [wa.lau]
- c. /mauar/ [ma.wa]
- d. /iaŋ/ [yaŋ]
- e. /buaiə/ [bu.wa.yə]


Berdasarkan analisis autosegmental, definisi vokal [+ tinggi] /u/ dalam /uaŋ/ [waŋ], /ualau/ [wa.lau], /mauar/ [ma.wa] dan vokal [+tinggi] /i/ dalam /iaŋ/ [yaŋ] dan /buaiə/ [bu.wa.yə] yang menduduki posisi onset dalam data 9 di atas dikenal sebagai geluncuran. Berdasarkan teori autosegmental, kedudukan vokal [+tinggi] dalam suku kata bagi perkataan-perkataan di atas adalah seperti yang dirajahkan di bawah:

10. Vokal [+ tinggi] sebagai geluncuran dalam perkataan /uaŋ/ [waŋ]

a. Struktur dalaman



b. Struktur permukaan



Representasi fonetik = [wan]

Berdasarkan definisi vokal [+tinggi], vokal tinggi /u/ yang berada pada posisi onset dalam Rajah 10b di atas dikenal sebagai geluncuran [w]. Oleh itu, struktur dalaman bagi perkataan /uan/ dikenal sebagai [wan].

PENYISIPAN HENTIAN GLOTIS

Dalam BM, kehadiran hentian glotis dalam kata dapat dilihat melalui dua proses fonologi: Pertama, melalui proses pengglotisan; dan kedua, melalui proses penyisipan (Farid, 1980, Teoh, 1994 dan Tajul Aripin, 2000). Proses pengglotisan ini berlaku apabila konsonan /k/ yang menduduki posisi koda atau akhir kata berubah menjadi konsonan hentian glotis [ʔ]. Contoh konsonan /k/ menjadi hentian glotis pada akhir kata adalah seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

11. Konsonan /k/ menjadi hentian glotis [ʔ]

- a. /mak/ [maʔ]
- b. /tak/ [taʔ]
- c. /kapak/ [ka.paʔ]
- d. /laksa/ [laʔ.sa]

Proses penyisipan hentian glotis pula ialah proses menyisipkan konsonan hentian glotis di antara dua urutan vokal dan vokal pertama mestilah terdiri daripada vokal [- tinggi] (Farid, 1980 dan Teoh, 1994). Rumus penyisipan vokal oleh Farid (1980) adalah seperti di bawah:

12. Rumus Penyisipan Vokal

$$\emptyset \rightarrow \quad ? \quad / \quad \left\{ \left\{ \left\{ \begin{array}{c} V_i \\ \underline{V} \\ \underline{V} \\ \text{- ting} \end{array} \right\} \right\} \right\} \text{---} \left\{ \begin{array}{c} V_i \\ V \end{array} \right\}$$

(Farid, 1980)

Rajah 12 menjelaskan bahawa ruang kosong di antara urutan vokal akan disisipkan dengan hentian glotis sekiranya vokal pertama terdiri daripada vokal [- rendah].

Menurut Tajul Aripin (2000) pula, penyisipan hentian glotis dalam BM tidak berlaku dalam kata dasar, sebaliknya proses ini berlaku secara default dalam sempadan imbuhan, yakni di sempadan awalan (prefiks + kata dasar), di sempadan akhiran (kata dasar + sufiks), dan kata morfologi, iaitu kata ganda, kata majmuk dan sintaksis (di antara kata) apabila pembentukan geluncuran tidak berlaku dalam urutan vokal. Dengan kata lain, penyisipan hentian glotis akan berlaku dalam sempadan-sempadan imbuhan dan kata morfologi apabila pembentukan geluncuran tidak berlaku. Contoh penyisipan hentian glotis dalam sempadan imbuhan dan kata morfologi adalah seperti yang berikut:

13. Penyisipan hentian glotis dalam sempadan awalan

- | | |
|-------------------|------------------|
| a. /di + alih/ | [di.ʔa.leh] |
| b. /di + ikat/ | [di.ʔi.kat] |
| c. /juru + acara/ | [ju.ru.ʔa.ca.rə] |
| b. /juru + azan/ | [ju.ru.ʔa.zan]. |

14. Penyisipan hentian glotis dalam sempadan akhiran

- | | |
|----------------|-------------|
| a. /guna + an/ | [gu.na.ʔan] |
| b. /cuba + an/ | [cu.ba.ʔan] |
| c. /mula + i/ | [mu.la.ʔi] |
| d. /luka + i/ | [lu.ka.ʔi] |

15. Penyisipan hentian glotis dalam sempadan kata ganda

- | | |
|------------------|----------------|
| a. /uli + uli/ | [u.li.ʔu.li] |
| b. /anai + anai/ | [a.nai.ʔa.nai] |

- c. /acu + acu/ [a.cu.ʔa.cu]
- d. /ada + ada/ [a.də.ʔa.də]
- e. /asal + usul/ [a.sal.ʔu.sol]
- f. /ulaŋ + ulaŋ/ [u.laŋ.ʔu.laŋ]

16. Penyisipan hentian glotis dalam sempadan kata majmuk

- a. /kaki + ayam/ [ka.ki.ʔa.yam]
- b. /bulu + ayam/ [bu.lu.ʔa.yam]
- c. /guru + agama/ [gu.ru.ʔa.ga.mə]
- d. /sətia + usaha/ [sə.tia.ʔu.sa.hə]
- e. /anak + aŋkat/ [a.naʔ.ʔaŋ.kat]
- f. /batu + api/ [ba.tu.ʔa.pi]


17. Penyisipan hentian glotis pada sempadan sintaksis

- a. Ali ada ənam biji jambu
aliʔadəʔənambijijambu
- b. Pagi esok ada ujian
pagiʔesoʔʔadəʔujiyan


Berdasarkan representasi Levin (1984), proses penyisipan hentian glotis dalam sempadan imbuhan dan kata morfologi di atas dapat direpresentasikan seperti yang berikut:

18. Penyisipan hentian glotis dalam sempadan awalan bagi perkataan /di + ubah/


a. Struktur dalaman



b. Penyisipan hentian glotis secara default



c. Struktur permukaan



Representasi fonetik = [di.ʔu.bah]

Berdasarkan analisis autosegmental, Teoh (1994) mengandaikan bahawa dalam BM terdapat ruang kosong (gatra x kosong) di antara dua urutan vokal yang mesti diisi dengan konsonan. Pengisian konsonan ini bertujuan untuk memberikan onsets kepada vokal kedua melalui proses penyebaran geluncuran dan penyisipan hentian glotis. Dengan mengandaikan wujudnya ruang kosong di antara dua urutan vokal, perkataan /di + ubah/ dalam Rajah 17 di atas menerima hentian glotis secara default pada gatra x kosong yang dinaungi oleh onsets melalui proses penyisipan. Kesan daripada proses penyisipan itu, vokal kedua dalam urutan vokal /iu/

pada sempadan awalan dalam perkataan /di + ubah/ [di.ʔu.bah] menerima konsonan hentian glotis sebagai onset (lihat Rajah 17c).

PENYISIPAN HENTIAN GLOTIS DALAM KATA DASAR

Menurut Farid Onn (1980) dan Teoh (1994) penyisipan hentian glotis dalam BM berlaku dalam kata dasar dan sempadan imbuhan apabila vokal pertama dalam urutan vokal terdiri daripada vokal [-tinggi]. Contoh penyisipan hentian glotis adalah seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

19. Penyisipan hentian glotis

- | | | |
|--------------------------|-------------|--|
| a. Kata dasar | | |
| i. /maaf/ | [ma.ʔap] | |
| ii. /saat/ | [sa.ʔat] | |
| iii. /taat/ | [ta.ʔat] | |
| b. Sempadan morfologikal | | |
| i. /guna + an/ | [gu.na.ʔan] | |
| ii. /mula + i/ | [mu.la.ʔi] | |
| iii. /di + ikat/ | [di.ʔi.kat] | |

Berbeza dengan pandangan Farid (1980) dan Teoh (1994), artikel ini mengandaikan bahawa penyisipan hentian glotis tidak berlaku dalam kata dasar. Sebaliknya, konsonan yang disisipkan dalam kata dasar ialah konsonan faringeal [ʕ] (lihat Tajul Aripin, 2000). Konsonan faringeal ini memiliki fitur [+nasal] dan menyebabkan vokal yang mendahuluinya akan menjadi nasal dan ini hanya berlaku dalam kata dasar bagi kata pinjaman bahasa Arab sahaja. Contoh penyisipan faringeal dalam perkataan-perkataan pinjaman BM adalah seperti yang berikut:

20. Penyisipan faringeal dalam kata pinjaman BM

- | | | | |
|-----------|----------|-----------|-----------|
| a. /saat/ | [sa.ʕāt] | *[sa.ʔat] | *[sa.ʔāt] |
| b. /taat/ | [ta.ʕāt] | *[ta.ʔat] | *[ta.ʔāt] |
| c. /maaf/ | [mä.ʕāp] | *[ma.ʔap] | *[ma.ʔāp] |
| d. /said/ | [sa.ʕīd] | *[sa.ʔid] | *[sa.ʔīd] |

Sekiranya penyisipan hentian glotis diandaikan berlaku dalam kata dasar BM, bagaimanakah vokal yang mendahului hentian glotis tersebut menjadi nasal? Sedangkan dalam BM hanya konsonan nasal sahaja yang

memiliki fitur [+ nasal], dan berpotensi menyebarkan fitur nasal kepada vokal-vokal yang mendahuluinya. Manakala hentian glotis tidak memiliki fitur [+ nasal] dan sudah pasti vokal yang mendahului hentian glotis tidak akan mengalami proses nasalisasi vokal atau menjadi nasal. Sebaliknya, konsonan faringeal yang dikatakan memiliki fitur nasal adalah lebih sesuai mengisi ruang kosong di antara dua urutan vokal tersebut dan jelas menunjukkan bahawa vokal menjadi nasal adalah hasil daripada proses nasalisasi vokal yakni melalui proses penyebaran fitur nasal daripada fonem faringeal yang hadir di antara vokal.

Selain itu, penyisipan hentian glotis juga dikatakan tidak berlaku dalam kata dasar BM sekiranya vokal tinggi /i/ dan /u/ mendahului vokal [- tinggi] dalam urutan vokal. Malahan, urutan vokal ini juga tidak menerima geluncuran atau hentian glotis tetapi bersuku kata heterosilabik. Contoh kata dasar yang heterosilabik dan tidak menerima sebarang konsonan di antara urutan vokal adalah seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

21. Perkataan heterosilabik tanpa konsonan di antara urutan vokal

a. /main/	[ma.en]	*[ma.ʔen]	*[ma.yen]
b. /baik/	[ba.eʔ]	*[ba.ʔeʔ]	*[ba.yeʔ]
c. /naik/	[na.eʔ]	*[na.ʔeʔ]	*[na.yeʔ]
d. /taut/	[ta.ot]	*[ta.ʔot]	*[ta.wot]
e. /paut/	[pa.ot]	*[pa.ʔot]	*[pa.wot]
f. /kaut/	[ka.ot]	*[ka.ʔot]	*[ka.wot]

Ini membuktikan bahawa penyisipan hentian glotis tidak berlaku dalam kata dasar BM. Sebaliknya, penyisipan faringeal [ʕ] berlaku dalam kata dasar BM sekiranya kata dasar itu terdiri daripada kata pinjaman bahasa Arab. Oleh itu, penyisipan hentian glotis dalam BM hanya berlaku dalam sempadan imbuhan dan kata morfologi. Apabila proses penyisipan hentian glotis secara default tidak berlaku dalam kata dasar BM dan hanya berlaku dalam sempadan imbuhan dan kata morfologi, proses ini diandikan sebagai proses pascaleksikal (*post lexical process*).

KESIMPULAN

Dalam BM, urutan vokal memperlihatkan empat bentuk struktur suku kata (struktur permukaan), iaitu bentuk V\$KV, V\$V, VV dan V. Berdasarkan struktur suku kata ini, proses-proses fonologi yang berlaku terdiri daripada

proses penyisipan hentian glotis dan proses pembentukan geluncuran [w] dan [y] hasil daripada penyebaran geluncuran oleh vokal [+ tinggi] /u/ dan /i/. Dalam BM, pembentukan geluncuran diklasifikasikan sebagai kata fonologi, yakni berlaku di dalam lingkungan kata fonologi dan penyisipan hentian glotis diklasifikasikan sebagai bukan kata fonologi kerana proses tersebut berlaku di luar kata fonologi.

Berdasarkan definisi vokal tinggi dan proses pembentukan geluncuran BM, jelas menunjukkan bahawa struktur dalaman geluncuran sebenarnya tidak hadir dalam BM. Sebaliknya, kehadiran geluncuran sebenarnya berdasarkan kedudukan vokal tinggi dalam struktur suku kata. Jika vokal tinggi itu berada pada posisi onsets, vokal tersebut dikenal sebagai geluncuran dan jika vokal tinggi itu berada pada posisi nukleus, vokal tersebut dikenal sebagai vokal [+ tinggi]. Penyisipan hentian glotis dikenal sebagai proses pasca leksikal kerana proses ini hanya berlaku dalam sempadan imbuhan dan kata morfologi.

RUJUKAN

- Clements, G.N, dan Keyser S.J., 1983. *CV Phonology: A Generative Theory of the Syllable*. Cambridge, MA: MIT Press. Linguistic Inquiry Monograph 9.
- Farid M.Onn, 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hannahs. S. J., 1995. "The Phonological Word in French" dlm. *Linguistics* 33, hlm. 1125–1144.
- Levin, J., 1984. "Conditions on Syllable Structure and Categories in Klamath Phonology" dlm. *Proceedings of WCCFL* 1984.
- Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Aripin Kassin, 2000. "*The Phonological Word in Standard Malay*". Disertasi PhD. Department of English Literary and Linguistic Studies, University of Newcastle di Newcastle upon Tyne.
- Tajul Aripin Kassin, 2002. "Penasalan Vokal dalam Bahasa Melayu Standard dan Dialek Pattani Gerik: Satu Huraian Perbandingan" dlm. *Jurnal Bahasa* 2:3, hlm. 374–395.
- Zaharani Ahmad, 1998. "*Phonology and Morphology Interface in Malay an Optimality Theoretic Account*". Disertasi PhD. Department of Language and Linguistics, University of Essex at Colchester.